

BAB 3. ANALISIS PELAKSANAAN *SIYĀSAH SYAR'IYYAH* DI BAHAGIAN PENGUAT KUASA, JABATAN UNDANG-UNDANG MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM DARI TAHUN 1997 HINGGA TAHUN 2000.

3.0 PENGENALAN

Majlis Bandaraya Shah Alam atau ringkasannya MBSA adalah salah satu pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ada di Negeri Selangor yang diamanahkan oleh kerajaan negeri untuk mentadbir Bandaraya Shah Alam dan kawasan-kawasan di bawah kuasa pentadbiran.¹ Shah Alam diwujudkan pada tahun 1963 dari sebuah ladang kelapa sawit yang dikenali sebagai Sungai Renggam. Pembukaan Bandar Shah Alam bertujuan untuk menggantikan Kuala Lumpur yang telah dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974.

Shah Alam diisytiharkan sebagai Ibu Negeri Selangor pada 7 Disember 1978 atas perkenan DYMM Sultan Selangor dengan keluasan 41.69 km persegi. Pada 1 Januari 1997, Shah Alam diperluaskan kepada 290.3 km persegi. Serentak dengan itu, Majlis Perbandaran Shah Alam ditubuhkan di bawah peruntukan Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan. Sebelum itu, Shah Alam ditadbirkan oleh Lembaga Bandaran Shah Alam di bawah kuasa yang diperuntukkan kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).²

¹ Lihat Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171).

² Laporan Tahunan 1997 /1998, Majlis Bandaraya Shah Alam, hlm. 2.

3.1 PENUBUHAN MBSA

Sebelum dikenali sebagai Majlis Bandaraya S. Alam, ia dikenali sebagai Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA). Apabila bandar Shah Alam dinaik taraf sebagai bandaraya pada 10 Oktober 2000, Majlis Perbandaran S. Alam ditukar kepada Majlis Bandaraya S. Alam. Kepesatan pembangunan Shah Alam telah membawa kepada kenaikan taraf daripada perbandaran kepada bandaraya setelah 21 tahun dibuka. Y. Bhg Dato' Haji Abu Sujak Haji Mahmud dilantik sebagai Datuk Bandar yang pertama. Dengan perisytiharan ini Shah Alam menjadi Bandaraya yang ketujuh selepas K. Lumpur, Kuching, Johor Bahru, Ipoh dan Kota Kinabalu.³

Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan bersetuju untuk menaikkan taraf Shah Alam sebagai bandaraya setelah bandar ini memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu :

- i. Bandar ibunegeri.
- ii. Mempunyai jumlah penduduk melebihi 400,000 orang
- iii. Menjadi pusat pentadbiran, perniagaan dan perdagangan
- iv. Jumlah pendapatan tahunan melebihi RM 100 juta.⁴

³ Jabatan Kemasyarakatan MBSA (2001), Buku Pentadbiran MBSA, Shah Alam : MBSA, cet. ke-3, hlm.14.

⁴Majlis Bandaraya Shah Alam, http://www.mbsa.gov.my/html/dua/satu/istihar_bandaraya.htm, 12 Mac 2002.

MPSA ditubuhkan pada 7 Disember 1978 serentak dengan perisytiharan bandar S. Alam sebagai ibu negeri Selangor. Bagaimanapun pentadbiran MPSA hanya mula beroperasi pada 1 Januari 1979. MPSA yang ditubuhkan di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan memperuntukkan bahawa Kerajaan Tempatan adalah pentadbiran terakhir selepas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang menjadi pendukung utama pentadbiran negara. Dalam peringkat Persekutuan, Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Manakala di dalam Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan tertakluk di bawah bidang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perbandaran.⁵

Manakala objektif penubuhan MPSA adalah seperti berikut :

- i. Mentadbir Bandar Shah Alam.
- ii. Memberi perkhidmatan asas yang selesa dan sempurna kepada penduduknya.
- iii. Menyediakan peluang dan pilihan ekonomi yang dapat meninggikan taraf hidup penduduk dan negara.
- iv. Memastikan pertumbuhan pelbagai sudut dengan teratur dan berfaedah.
- v. Memperindah dan mengidentitikan Shah Alam sebagai ibu negeri Selangor.⁶

⁵ Majlis Bandaraya Shah Alam, <http://www.mbsa.gov.my/html/dua/akta.htm>, 12 Mac 2002.

⁶ Buku Panduan MBSA (2001), op.cit., hlm. 4.

3.2 ORGANISASI MBSA

Datuk Bandar merupakan tunggak utama jentera MBSA. Ini diikuti dengan Setiausaha dan 10 Ketua Jabatan yang terdiri dari pegawai-pegawai profesional. Di samping itu, Majlis juga mempunyai 24 orang Ahli Majlis yang dilantik 2 tahun sekali oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ahli Majlis terdiri dari ahli-ahli politik yang memerintah, tokoh-tokoh profesional, ahli akademik dan korporat.⁷

Ahli-ahli Majlis bertanggungjawab membantu mentadbir Shah Alam dengan menganggotai Jawatankuasa Tetap Majlis. Mesyuarat penuh Majlis yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar diadakan sebulan sekali bagi meluluskan hal-hal berkaitan bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan

Terdapat 10 Jabatan di dalam organisasi pentadbiran MBSA iaitu : Jabatan Pentadbiran, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Taman dan Rekreasi, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Kejuruteraan Bengkel, Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Undang-Undang

Setiap Jabatan ini mempunyai beberapa Bahagian-Bahagian yang mempunyai peranan dan fungsi yang lebih khusus lagi. Ini dapat dilihat seperti dibawah :⁸

⁷ Buku Panduan MBSA (2001), *op. cit.*, hlm. 16.

⁸ *Op.cit.*, hlm. 7.

1. Jabatan Pentadbiran :

- a. Bahagian Urusetia dan Am
- b. Bahagian Perjawatan
- c. Bahagian Tender dan Kontrak
- d. Bahagian Komputer
- e. Bahagian Perhubungan Awam
- f. Bahagian Perlesenan.

2. Jabatan Perancang Bandar :

- a. Bahagian Perancangan dan Penguatkuasaan
- b. Bahagian Perintah Pembangunan
- c. Bahagian Penyelidikan dan Sistem Maklumat.
- d. Bahagian Pentadbiran.

3. Jabatan Bangunan :

- a. Bahagian Kelulusan Pelan dan Penguatkuasaan
- b. Bahagian Senireka
- c. Bahagian Pentadbiran.

4. Jabatan Kejuruteraan :

- a. Bahagian Penyelenggaraan Kawasan
- b. Bahagian Persiapan dan Perayaan
- c. Bahagian Jalan
- d. Bahagian Projek
- e. Bahagian Parit Utama
- f. Bahagian Elektrik

5. Jabatan Kesihatan :

- a. Bahagian Kesihatan Awam
- b. Bahagian Penyeliaan Perkhidmatan Bandar
- c. Bahagian Pentadbiran

6. Jabatan Taman dan Rekreasi :

- a. Bahagian Perancangan
- b. Bahagian Tapak Semaian
- c. Bahagian Penyelenggaraan
- d. Bahagian Tasik
- e. Bahagian Program Sosial.

7. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta :

- a. Bahagian Penilai
- b. Bahagian Pengurusan dan Pelaburan Harta
- c. Bahagian Penyelenggaraan Wisma, Auditorium dan Bankuet MBSA
- d. Bahagian Pentadbiran.

8. Jabatan Kejuruteraan Bengkel :

- a. Bahagian Penyelenggaraan Kenderaan
- b. Pembelian Kenderaan
- c. Pengurusan Bengkel

9. Jabatan Perbendaharaan :

- a. Bahagian Hasil
- b. Bahagian Cukai Taksiran
- c. Bahagian Perbelanjaan dan Belanjawan
- d. Bahagian Akaun
- e. Bahagian Pentadbiran Am.

10. Jabatan Undang-Undang :

- a. Bahagian Penguat kuasa
- b. Bahagian Pendakwaan
- c. Bahagian Keselamatan.

3.3 BAHAGIAN PENGUAT KUASA, JABATAN UNDANG-UNDANG MBSA

Bahagian Penguat kuasa Jabatan Undang-Undang telah ditubuhkan pada 7 Disember, 1978 dan mula beroperasi di bangunan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dengan bilangan anggotanya seramai lapan orang. Kini Bahagian Penguat kuasa beroperasi di Tingkat Dua, Jabatan Undang-Undang, Wisma MPSA di Persiaran Perbandaran. Bahagian Penguat kuasa bertanggungjawab dan bertugas bagi menguatkusakan setiap Peraturan dan Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Shah Alam yang telah diwartakan dan mengambil tindakan sewajarnya dengan mengeluarkan kompaun, notis amaran dan sebagainya.

Bahagian penguat kuasa diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh seorang Pegawai Penguat kuasa dan tiga orang Penolong Pegawai Penguat kuasa. Manakala Unit-Unit yang diwujudkan di Bahagian Penguat kuasa ini diketuai oleh seorang Pembantu Penguat kuasa dan dianggotai oleh beberapa orang Pembantu Penguat kuasa yang bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan setiap premis yang menjalankan perniagaan di kawasan Majlis seperti industri, rumah kedai, tadika atau taska, stesyen, gerai atau restoran dan sebagainya untuk memastikan setiap premis tersebut mempunyai lesen perniagaan.⁹

Bahagian Penguat kuasa MBSA ditubuhkan juga berperanan untuk membantu setiap jabatan dalam MBSA dan memberi perkhidmatan kepada warga

⁹ Temu bual dengan Encik Zaini Mohd Noor, Ketua Unit Pentadbiran, Bahagian Penguat kuasa MBSA pada 15 November 2001.

Shah Alam dengan melaksanakan tugas yang telah ditetapkan. Antara peranan Bahagian ini ialah

- a) Melaksanakan tugas ‘*primary*’ iaitu tugas penguatkuasaan berdasarkan peraturan dan dasar Majlis.
- b) Melaksanakan kesemua tugas Bahagian Penguat kuasa dengan berkesan dan,
- c) Menjalankan tugas untuk mengawal keadaan ketika bencana alam dan kawasan strategik

3.3.1 Undang-Undang Yang Terpakai

Bahagian Penguat kuasa, Jabatan Undang-Undang MBSA melaksanakan tugas-tugas mereka adalah berdasarkan beberapa Akta dan Undang-Undang kecil yang diterima pakai di dalam Kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam iaitu:¹⁰

1. Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171)
2. Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 (Akta 133)
3. Akta Jalan Parit Dan Bangunan, 1974 (Akta 133)
4. Akta Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit
5. ‘Sale of Food & Drug Ordinance, 1959’
6. Akta Pengangkutan Jalan 1987
7. Akta Makanan, 1984
8. Enakmen Mengawal Lembu, Kerbau, 1971.

¹⁰ Laporan Tahunan Jabatan Undang-Undang, MPSA bagi tahun 1997. hlm. 4.

Manakala Undang-Undang kecil yang telah dikuatkuasakan di dalam kawasan pentadbiran MBSA pula ialah :¹¹

1. Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (MPSA) Kerajaan Tempatan, 1982
2. Undang-Undang Kecil Penjaja (MPSA), 1982
3. Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (MPSA), 1982
4. Undang-Undang Iklan (MPSA), 1991
5. Undang-Undang Kecil Taman (MPSA), 1983
6. Undang-Undang Kecil Gunting Rambut Dan Pendandan (MPSA), 1983
7. Undang-Undang Kecil Perlesenan Anjing (MPSA), 1982
8. Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah-Sarap (MPSA), 1982
9. Undang-Undang Kecil Iklan (MPSA), 1983- telah dimansuhkan
10. Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan (MPSA), 1982
11. Undang-Undang Kecil Perlesenan Tred Dan Perindustrian (MPSA), 1987
12. Undang-Undang Kecil Tanah Runtuh Perkuburan Islam (MPSA), 1989
13. Undang-Undang Kecil Iklan (Pilihan Raya) (MPSA)
14. Kaedah Kereta Jenazah (MPSA), 1984
15. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor, 1986
16. Undang-Undang Kerja tanah (MPSA), 1990
17. Perintah Tetap Mesyuarat (MPSA), 1992

¹¹ *Ibid.*, hlm. 6

18. Perintah Lalu lintas Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) (MPSA), 1993
19. Undang-Undang Kecil Hotel (MPSA), 1993
20. Undang-Undang Kecil Tandas awam (MPSA), 1993
21. Undang-Undang Kecil Peruntukan Mengenai Lesen Bersesama (MPSA) 1992
22. Undang-Undang Kecil Vandalisme (MPSA), 1994 dan
23. Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tatatertib), (MPSA) 1995.

3.3.2 Perlaksanaan Tugas Penguatkuasaan

Pegawai-pegawai serta seluruh kakitangan Bahagian Penguat kuasa melaksanakan tugas mereka dengan menjalankan siasatan, bertindak berdasarkan laporan serta aduan orang ramai, rondaan harian dan membuat pengawasan terhadap penjaja tanpa lesen dan halangan awam. Manakala lawatan dan pemeriksaan dibuat dari masa ke semasa oleh Pegawai dan kakitangan terbabit. Ini adalah bertujuan untuk :

- a) Meninjau dan memberi perhatian terhadap masalah yang dihadapi
- b) Meninjau keadaan dan keupayaan kakitangan Penguat kuasa dalam menjalankan tugas
- c) Pemeriksaan permit dan lesen penjaja
- d) Memberi nasihat kepada orang awam.¹²

¹² Laporan Tahunan MBSA Bagi Tahun 1997, op.cit., hlm. 9

3.3.3 Operasi Bahagian Penguin kuasa

Sesuatu tindakan atau operasi yang dilakukan oleh Bahagian Penguin kuasa pada kebiasaan dilakukan adalah berdasarkan arahan-arahan yang diterima dari masa ke semasa dari pihak atasan Majlis. Selain dari arahan operasi juga dilakukan apabila ada aduan dari masyarakat atau terdapat laporan-laporan di dalam media sama ada media cetak atau elektronik dan juga hasil dari siasatan, pemantauan dan rondaan harian yang dilakukan oleh pegawai-pegawai penguin kuasa sendiri.¹³

Dari masa ke semasa Bahagian Penguin kuasa akan membuat operasi untuk tindakan di seluruh kawasan Shah Alam yang melibatkan kebersihan,kawalan penjaja, pemeriksaan rumah kedai, tadika atau taska, stesyen minyak, rampasan dan merobohkan gerai-gerai yang tidak mempunyai lesen perniagaan atau ingkar arahan Majlis dan lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa. Bahagian ini juga menjalankan operasi pemeriksaan di kilang-kilang di seluruh Shah Alam. Operasi ini merupakan pemeriksaan kebersihan kilang-kilang dan lesen-lesen yang berkaitan dengan perniagaan seperti lesen industri, lesen iklan, lesen kantin dan kebersihan, lesen menyimpan bahan merbahaya dan memudaratkan seperti gas, petrol dan bahan kimia, kebersihan tandas dan lanskap serta lesen gudang.

Pada setiap tahun Bahagian Penguin kuasa membuat pemeriksaan industri, rumah kedai, tadika atau taska, gerai stesyen minyak dua kali dalam setahun. Ini

¹³ Temu bual dengan Encik Zaini Mohd Noor, Ketua Unit Pentadbiran, Bahagian Penguin kuasa MBSA, pada 15 November 2001.

adalah bertujuan bagi memastikan semua perniagaan yang dijalankan di kawasan Majlis mempunyai lesen yang sah. Pada kebiasaannya bentuk-bentuk tindakan yang diambil ialah :¹⁴

- a) Memberi amaran secara lisan
- b) Memberi notis amaran secara bertulis
- c) Mengeluarkan notis amaran atau tawaran kompaun
- d) Mengambil tindakan sita atau rampasan
- e) Membuat cadangan membatalkan lesen.

3.3.4 Unit-Unit Di Bahagian Penguat kuasa MBSA

Bagi tujuan melicinkan perlaksanaan tugas penguatkuasaan, Bahagian ini telah mewujudkan unit-unit tertentu dan pembahagian zon-zon. Pembahagian zon dilakukan pada tahun 1998 adalah berdasarkan kepada jalan-jalan utama, kedapatan penduduk, pusat-pusat pentadbiran dan industri. Ini adalah bertujuan untuk menunjukkan sempadan kawasan-kawasan tindakan, menyeragamkan kawalan, pencegahan dan tindakan penguatkuasaan di kawasan-kawasan yang berkenaan dan untuk perancangan yang lebih efektif dalam menyelesaikan masalah yang wujud dalam sesuatu kawasan. Zon-zon tersebut adalah terdiri dari Zon Utara, Zon Selatan dan Zon Tengah.¹⁵

Pada tahun 1997, Bahagian Penguat kuasa terbahagi kepada hanya lapan Unit sahaja iaitu Unit Pentadbiran, Penjaja, Halangan dan Kenderaan Buruk,

¹⁴ Laporan Tahunan MBSA Bagi Tahun 1997, op.cit., hlm. 10.

¹⁵ Lihat Laporan Tahunan Jabatan Undang-Undang, MBSA Bagi Tahun 1998, hlm. 43.

Iklan, Motosikal, Gerai, Aduan & Hiburan dan Unit Setinggan dan Binaan Haram. Pembahagian kepada lapan Unit ketika ini adalah bersesuaian dengan beban tugas dan keluasan kawasan pentadbiran Majlis. Manakala bermula pada tahun 1998 terdapat beberapa Unit baru diwujudkan iaitu Unit Komputer, Unit Stor dan Peralatan, Unit Kediaman dijadikan Kedai, Projek Pembangunan dan Rumah Kongsi, Kebersihan Dan Pencemaran. Perwujudan Unit Komputer adalah kerana kemajuan yang pesat di dalam bidang teknologi maklumat yang mendorong semua organisasi sama ada di pihak kerajaan maupun swasta menggunakan kemudahan komputer di dalam urusan dan operasi mereka. Manakala Unit Stor dan Peralatan diwujudkan kerana bertambahnya bilangan harta-harta rampasan dan sita akibat peningkatan bilangan operasi dari tahun ke tahun dan Unit Projek Pembangunan dan Rumah Kongsi serta Unit Kebersihan dan Pencemaran pula diwujudkan pada tahun 1998 adalah kerana pembangunan yang begitu pesat khususnya pembinaan rumah-rumah kediaman, premis-premis perniagaan, kilang-kilang dan berbagai kemudahan infrastruktur yang lain yang memerlukan pengawasan dari pihak berkuasa tempatan khususnya MBSA.¹⁶

3.4 ANALISIS PELAKSANAAN *SIYĀSAH SYAR'IYYAH* TERHADAP AKTIVITI-AKTIVITI BAHAGIAN PENGUATKUASA DARI TAHUN 1997 HINGGA TAHUN 2000

Segala bentuk aktiviti yang dilakukan oleh Bahagian Penguat kuasa MBSA sepanjang tahun 1997 hingga tahun 2000 tidak banyak perbezaan. Apa yang

¹⁶ Penambahan Unit-Unit tersebut berdasarkan dari Laporan Tahunan MBSA Bagi Tahun 1997 dan Tahun 1998.

berbeza ialah kekerapan dan statistik tindakan yang dilakukan antara tahun-tahun tersebut. Penulis tidak akan mengemukakan statistik-statistik yang berbeza antara tahun-tahun tersebut sebagai bahan analisis utama tetapi sekadar membuat perbandingan sahaja. Bagi tujuan analisis, penulis akan menekan dan melihat kepada aspek objektif di sebalik tindakan penguatkuasaan tersebut serta kaedah-kaedah *siyāsah* yang terpakai. Ianya bertujuan memudahkan penilaian dan penganalisisan penulis ke atas tindakan-tindakan yang dilakukan sama ada ianya bertepatan dengan konsep *siyāsah syar'iyyah* atau pun sebaliknya.

3.4.1 Aktiviti-Aktiviti Unit-Unit Penguatkuasaan

3.4.1.1 Unit Pentadbiran.

Unit ini berperanan mengendalikan segala bentuk pentadbiran bagi unit-unit yang lain seperti, pengurusan sistem fail Bahagian, menaip dan merekod maklumat operasi dan rampasan serta lain-lain ke dalam sistem komputer, mengira dan merekodkan kompaun bulanan, menyiapkan laporan tahunan Bahagian, menyedia dan menaip anggaran belanjawan Bahagian Penguatkuasaan serta kerja-kerja pejabat yang lain.

Dari sudut *Siyāsah Syar'iyyah*, unit ini lebih berperanan sebagai satu unit yang diwujudkan untuk mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan soal-soal pentadbiran di Bahagian Penguatkuasaan MBSA. Penubuhan unit ini dengan objektifnya yang tersendiri merupakan satu langkah yang selari dengan kehendak *Siyāsah Syar'iyyah* kerana dengan wujudnya unit ini, maka seluruh

unit-unit lain di Bahagian Penguat kuasa dapat berfungsi dan berperanan dengan lancar dan berkesan.¹⁷ Tindakan menubuhkan unit ini bagi mengendalikan urusan pentadbiran menepati konsep *Siyāsah Syar'iyyah* itu sendiri kerana ini merupakan satu bentuk kelonggaran yang diberikan kepada pihak berkuasa dalam usaha melicinkan lagi urusan pentadbiran secara amnya dan urusan penguatkuasaan secara khusus.

3.4.1.2 Unit Komputer.

Peranan unit ini lebih kepada aktiviti-aktiviti merekod segala bentuk data yang berkaitan dengan tugas-tugas penguatkuasaan ke dalam sistem komputer seperti data-data kompaun, data-data pesalah, bil-bil bayaran kompaun dan tugas-tugas yang berkaitan. Unit ini mempunyai persamaan dengan Unit Pentadbiran kerana kedua-dua unit ini lebih tertumpu kepada aspek pentadbiran. Namun begitu menurut perspektif *Siyāsah Syar'iyyah*, tindakan Bahagian Penguat kuasa merekod segala data-data di dalam sistem komputer adalah bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan kepada semua pihak sama ada kepada pihak penguat kuasa ataupun masyarakat awam. Kemaslahatan bagi pihak penguat kuasa terbukti apabila dengan adanya rekod-rekod yang lebih sistematik, ianya memudahkan lagi pihak penguat kuasa menjalankan tugas mereka dari segi mengatur strategi, kekerapan operasi dan sebagainya. Manakala di pihak orang awam khususnya penduduk di Shah Alam akan terhindar dari ketidakadilan dan penganiayaan dikenakan denda berulang kali dari kesalahan yang sama kerana

¹⁷ Lihat kupasan lanjut di dalam perbincangan mengenai definisi Siyasah Syar'iyyah di dalam Bab I.

setiap pembayaran dan penyelesaian telah direkod di dalam sistem komputer. Tindakan mewujudkan unit ini jelas menjamin kemaslahatan kepada semua pihak sebagaimana yang disebut di dalam kaedah " تصرف الامام منوط بالصلحة "

3.4.1.3 Unit Stor Dan Peralatan.

Unit ini berperanan mengawal barang yang disimpan atau ditempatkan di dalam stor MBSA seperti barang rampasan serta kenderaan yang disita. Ia juga mengurus segala inventori barang keperluan anggota-anggota penguat kuasa seperti uniform, senjata api dan lain-lain. Bagi tujuan menyimpan barang sita dan rampasan, terdapat dua stor iaitu di Stor MBSA Seksyen 17 bagi meletakkan kenderaan dan mesin-mesin video games yang di sita atau dirampas dan Tingkat 5, Wisma MBSA bagi barang lain. Unit ini mula beroperasi pada tahun 1998.¹⁸

Pada tahun 1998 hingga 2000, barang yang dirampas dan disimpan di Tingkat 5 Wisma MBSA adalah terdiri dari *Stall Burger*, *Stall* kecil, kerusi, meja, dapur dan tong gas, kaki dan payung besar, pakaian, kasut, selipar, VCD, Video Tape, kaset, kasut terpakai, almari kaca, kuali dan basikal roda tiga. Manakala kenderaan buruk yang disimpan di Stor Seksyen 17 pula terdiri kereta, motosikal, van, lori, bas sekolah dan kilang, ekor treler dan jentera berat (*Greder*).¹⁹ Barang-barangan ini telah dirampas dan disita oleh unit-unit lain dan disimpan di Unit ini sehinggalah ianya dituntut semula oleh pemiliknya.

¹⁸ Temu bual dengan Encik Md. Akhir Manshor, Pembantu Tadbir Unit Stor MBSA Seksyen 17 pada 133.2003.

¹⁹ Laporan Tahunan Jabatan Undang-Undang MBSA, bagi tahun 1998-2000.

Langkah mewujudkan satu tempat khusus bagi menyimpan barang yang disita dan dirampas oleh pihak penguasa merupakan satu langkah yang menepati dengan kehendak *Siyāsah Syar'iyyah* kerana dengan adanya stor yang telah dikhatuskan bagi tujuan ini, keselamatan barang-barang tersebut dapat dipastikan. Walaupun barang itu telah dirampas atau disita akibat perlanggaran undang-undang, kewajipan pihak penguasa untuk menjaga dan memastikan keselamatan barang-barang tersebut tidak gugur menurut pandangan Islam kerana barang-barang tersebut masih lagi menjadi hak kepada pemilik asal sehingga melalui beberapa proses tertentu di mana barang tersebut tidak dituntut dan perintah pelupusan dikeluarkan.

Sekiranya berlaku kecurian atau kehilangan barang yang dirampas, kakitangan yang ditugaskan di unit ini akan dipertanggungjawabkan.²⁰ Langkah ini sebenarnya memberi keyakinan kepada pemilik barang yang dirampas tentang keselamatan barang dan harta benda mereka sementara menunggu proses untuk membuat tuntutan dilakukan. Tindakan mewujudkan satu tempat khusus bagi menyimpan barang rampasan merupakan satu tindakan yang selaras dengan kehendak *Siyāsah Syar'iyyah* berdasarkan kepada kaedah *Masālih Mursalah* sebagaimana Saidinā 'Umar membina bangunan penjara sebagai sebuah institusi khusus bagi memenjarakan pesalah-pesalah yang telah dijatuhkan hukuman penjara.²¹

²⁰ Temubual dengan Encik Md. Akhir Manshor, Pembantu Tadbir Unit Stor Seksyen 17, MBSA, pada 13.3.2002.

²¹ 'Abdullah Nasih 'Ulwān (1989), *op.cit.*, hlm. 103, al-Tobari Jāil (t.t.), *Tārikh al-Umam wa al-Mulūk*, Kaherah : Matba'ah al-Husayniyyah al-Misriyyah, jld.4, hlm.193.

3.4.1.4 Unit Motosikal

Secara umumnya, Unit ini bertugas menguatkuasakan perintah lalu lintas dengan melakukan rondaan, kawalan dan mengeluarkan kompaun di kawasan ‘Parking Bermeter’, kenderaan-kenderaan yang melakukan kesalahan trafik, kontraktor, orang awam serta kenderaan yang mengotorkan jalan awam seperti menjatuhkan bahan binaan dan membuang sampah di jalan awam dan kawalan lalu lintas ketika upacara resmi atau tidak resmi di seluruh kawasan Majlis. Selain dari itu unit ini juga membuat rondaan dan intipan terhadap sebarang pencemaran yang dilakukan, menghantar surat-surat resmi dan melakukan eskot terhadap pegawai-pegawai yang menguatkuasakan peraturan cukai pintu dan orang kenamaan yang datang membuat lawatan ke Shah Alam.

Sepanjang tahun 1997 hingga 2000, Unit Motosikal ini telah mengeluarkan kompaun bagi kesalahan seperti Kesalahan Tempat Letak Kereta, Kompaun Undang-Undang Kecil Taman dan Kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta dan Undang-Undang Kecil yang lain.²² Selain dari mengeluarkan kompaun kepada pesalah-pesalah, Unit ini juga terlibat di dalam tugas-tugas rondaan bagi memastikan penjaja khususnya penjaja pasar malam, gerai tepi jalan dan gerai sementara MBSA mempunyai lesen yang sah, melakukan pemeriksaan di kilang-kilang, mengiringi pegawai-pegawai dari Bahagian Kewangan menyita premis yang mempunyai tunggakan cukai pintu, menghantar risalah-risalah MBSA ke rumah-rumah.

²² Akta dan Undang-Undang Kecil yang lain adalah seperti yang disenaraikan di halaman sebelum ini.

Unit ini juga bekerja sama dengan badan-badan penguat kuasa dari agensi-agensi yang lain seperti Polis, JPJ, RELA, Jabatan Imigresen, Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain melakukan operasi bersepada seperti operasi menangkap pendatang asing, operasi mengesan pesalah dan kesalahan-kesalahan trafik dan operasi menyelamat mangsa banjir seperti yang berlaku pada tahun 1997 di Kampung Melayu Subang , Taman TTDI dan Batu Tiga. Tugas yang paling banyak dilakukan oleh Unit ini ialah membuat kawalan lalu lintas apabila terdapat peristiwa atau majlis dan perayaan seperti kawalan lalu lintas bagi kejohanan Lumba Basikal Le Tour de Langkawi dan SUKMA 98, kawalan lalu lintas sempena lawatan Yang Dipertuan Agong dan Perdana Menteri ke Shah Alam pada Tahun 1998 dan berbagai-bagai peristiwa lagi.²³

Tindakan mengenakan kompaun dan saman ke atas pesalah-pesalah trafik yang merangkumi kesalahan-kesalahan meletak kenderaan sama ada tidak meletak kenderaan di tempat yang dikhatuskan, tempat larangan, bahu jalan ataupun tidak membuat bayaran di mesin-mesin yang disediakan. Kesalahan ini dikenakan tindakan adalah bertujuan untuk memastikan keadaan lalu lintas berjalan lancar tanpa ada gangguan dalam bentuk halangan oleh kenderaan yang diletakkan sesuka hati.²⁴

Walaupun peraturan ini kelihatan menyusahkan pemilik-pemilik kenderaan tetapi tujuan ia dikuatkuasakan adalah untuk menjaga kemaslahatan umum

²³ Laporan Tahunan Jabatan Undang-Undang, MBSA Bagi Tahun 1998, hlm.98.

²⁴ Temu bual dengan Tuan Abdul Hakim bin Mahmud, Ketua Bahagian Penguat kuasa MBSA, pada 13.3.2002.

berbanding dengan kemaslahatan khusus. Sebagai contoh, sekiranya pihak penguat kuasa membiarkan beberapa buah kenderaan diletakkan di bahu-bahu jalan atau di depan premis perniagaan dengan tidak mengikut peraturan seperti di luar petak atau sebagainya, maka sudah tentu akan menimbulkan kesulitan kepada orang ramai seperti kesesakan lalu lintas, menghalang orang lain atau mewujudkan suasana tidak teratur dan kelam-kabut.

Tindakan ke atas kesalahan-kesalahan trafik ini jelas menunjukkan pihak berkuasa memberi keutamaan terhadap kemaslahatan awam iaitu golongan majoriti berbanding mereka yang melakukan kesalahan tersebut seperti mana para *muhtasib* di dalam institusi *Hisbah* yang melakukan rondaan di pasar-pasar untuk memastikan segala urusan orang ramai berjalan lancar. Tindakan ini juga menepati kehendak *Maqāsid Syari‘ah* yang menekankan supaya segala kebaikan kepada manusia dapat dipertahankan walaupun terpaksa mengorbankan kepentingan sesetengah pihak

3.4.1.5 Unit Penjaja.

Unit ini berperanan membuat kawalan dan tindakan ke atas penjaja tanpa lesen dan penjaja pasar malam yang didapati melakukan kesalahan. Tindakan yang dilakukan oleh unit ini ialah seperti mengeluarkan kompaun serta notis amaran terhadap penjaja tanpa lesen, membuat tindakan rampasan, melakukan pemeriksaan dan kawalan-kawalan di pasar-pasar malam serta menyelesaikan aduan-aduan awam berkenaan dengan masalah penjaja di seluruh kawasan Majlis.

Unit ini mempunyai tugas-tugas khas iaitu mengawal penjaja bermusim seperti bulan puasa, musim buah-buahan, penjaja di Stadium Shah Alam dan Litar Lumba di Batu Tiga, mencegah pasar malam haram, mengawal pasar tani dan pasar pagi, kawalan penjaja haram di tepi jalan dan membuat pemeriksaan di kantin-kantin milik kerajaan dan swasta.²⁵

Unit Penjaja bertanggungjawab menguatkuasakan Akta / Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil dengan melaksanakan tugas seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis antaranya ialah :

1. Membuat kawalan dan pengeluaran notis amaran terhadap penjaja tanpa lesen dan penjaja pasar malam.
2. Mengeluarkan kompaun dan notis amaran terhadap penjaja tanpa lesen.
3. Membuat tindakan rampasan dari masa ke semasa terhadap penjaja yang ingkar arahan dan yang melanggar peraturan.
4. Membuat tindakan mencegah dan merampas barang penjaja haram.
5. Membuat tindakan kawalan terhadap penjaja.

Sepanjang tahun 1997 hingga tahun 2000, Unit ini telah mengeluarkan kompaun dan notis amaran serta melakukan sita dan rampasan terhadap para

²⁵ Jabatan Perlesenian Dan Penguatkuasaan, MBSA, Laporan Pencapaian Prestasi Kerja Tahun 2000.

penjaja. Penjaja-penjaja yang terbabit terdiri dari penjaja-penjaja beredara,²⁶ penjaja pasar malam dan pasar malam haram, penjaja bahu jalan, kaki lima kedai dan penjaja statik.²⁷ Antara kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh penjaja-penjaja ini ialah bermiaga tanpa lesen. Kebanyakannya dilakukan oleh penjaja warganegara asing di samping penjaja tempatan. Pada tahun 1997 sahaja sebanyak 78 rampasan telah dilakukan oleh Unit ini yang melibatkan penjaja warganegara Indonesia, Kampuchea, Thailand dan India.²⁸ Selain dari kesalahan menjaja tanpa lesen atau melanggar syarat-syarat lesen, terdapat juga kesalahan-kesalahan lain seperti menjaja di pasar malam haram dan kawasan-kawasan yang tidak dibenarkan seperti di perkarangan Stadium Shah Alam.

Tindakan yang diambil oleh Unit ini adalah berbeza antara kategori penjaja. Bagi penjaja statik, mereka akan diberi amaran lisan terlebih dahulu supaya menghentikan perniagaan mereka sekiranya tiada lesen. Apabila amaran lisan itu tidak diendahkan, pihak penguat kuasa akan mengeluarkan amaran secara bertulis, diikuti notis kompaun dan akhir sekali sita atau rampasan dilakukan. Bagi penjaja yang tidak membayar kompaun dalam tempoh yang telah ditetapkan, kes mereka akan didakwa di mahkamah oleh Bahagian Pendakwaan, Jabatan Undang-Undang MBSA. Bagi penjaja pasar malam atau pasar malam haram, penjaja beredara atau penjaja di bahu jalan atau kaki lima kedai, anggota penguat kuasa akan

²⁶ Penjaja beredara ialah penjaja yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain dengan berjalan kaki atau menggunakan kenderaan tertentu.

²⁷ Penjaja statik ialah penjaja yang bermiaga di premis-premis yang disediakan oleh pihak Majlis atau di sewa dari pihak lain ataupun penjaja yang mendirikan gerai, khemah atau binaan tertentu di satu-satu tempat seperti penjual burger, kuih-muih dan buah-buahan di tepi-tepi jalan dan sebagainya

²⁸ Laporan Tahunan Jabatan Undang-Undang Tahun 1997.

menggunakan budi bicara mereka sama ada terus mengeluarkan kompaun atau merampas barang mereka ataupun hanya memberi amaran lisan sahaja.²⁹

Antara barang yang dirampas oleh Unit ini dari penjaja ialah makanan dan minuman , pakaian, peralatan elektrik, surat khabar, ubat-ubatan, peralatan dapur seperti tong gas, dapur, kuali, pinggan mangkuk dan sebagainya, kereta tolak, kerusi-meja, payung, lampu, VCD, Video Tape, kenderaan seperti lori kecil atau pick-up dan berbagai-bagai lagi barang jualan dan keperluan harian. Bagi tugas kawalan terhadap penjaja, pihak penguat kuasa di Unit ini telah membuat bincian dan pemeriksaan dengan mencatatkan butir-butir penjaja, seperti nama, lesen, jenis barang yang dijual dan masalah-masalah yang dihadapi oleh penjaja

Penguat kuasa undang-undang dan peraturan terhadap penjaja tanpa lesen adalah bertujuan untuk mengawal dan mengenal pasti bentuk perniagaan dan barang yang dijual agar tiada barang yang menyalahi undang-undang diperniagakan. Sebelum sesuatu lesen perniagaan pasar malam itu dikeluarkan, pihak Majlis khususnya Bahagian Perlesenan akan meneliti setiap permohonan berdasarkan maklumat di dalam borang permohonan. Bahagian Perlesenan telah menetapkan beberapa syarat tertentu sebelum sesuatu lesen itu diluluskan antaranya :³⁰

- 1 . Pemilik lesen yang tidak hadir atau berada di tapak perniagaan sebanyak empat kali berturut tanpa sebab, lesen mereka akan ditarik balik atau dibatalkan.

²⁹ Temu bual Dengan Tuan Hakim bin Mahmud, Pegawai Penguat kuasa MBSA, pada 13.3.2002.

³⁰ Panduan Permohonan Lesen, MBSA, hlm. 32.

- 2 . Penjaja dikehendaki sentiasa memakai dan mempamerkan lesen setiap kali berniaga.
3. Penjaja yang menjual bahan makanan hendaklah sentiasa menjaga kebersihan, memakai apron, tudung kepala dan memakai kad pengendali makanan yang dikeluarkan oleh MBSA.
- 4 . Penjaja hendaklah menyediakan tong sampah di tempat perniagaan.
5. Penjaja yang menjual VCD, video dan CD hendaklah mendapatkan lesen FINAS terlebih dahulu.
- 6 . Penjaja yang menjual ikan dan ayam tidak dibenarkan membuat penyiangan di tapak perniagaan.
- 7 . Peniaga dikehendaki meletak tanda harga.

Tujuan syarat-syarat ini dikenakan ialah untuk memastikan kebersihan akan terpelihara dan orang ramai tidak ditimpa kemudaratan seperti jangkitan penyakit, penipuan harga barang dan sebagainya. Selain dari itu, permohonan untuk mendapat lesen ini juga dapat memberi maklumat kepada pihak MBSA mengenai pasti bentuk dan barang yang hendak diperniagakan agar ketidakseimbangan jenis-jenis perniagaan dapat dilakukan di sesebuah pasar malam.³¹ Sebagai contoh apabila sesebuah pasar malam itu sudah mempunyai beberapa peniaga yang menjual sayuran, maka permohonan baru untuk berniaga sayur di pasar malam tersebut tidak diluluskan sebaliknya pihak Bahagian Perlesenan akan menawarkan lesen di pasar malam lain. Agihan jenis-jenis perniagaan ini dilakukan adalah untuk memberi kemanfaatan kepada orang ramai untuk mendapatkan barang dan pilihan yang mencukupi apabila membeli belah di pasar malam. Selain dari

³¹ Temu bual Dengan Tuan Abdul Hakim, *ibid.*

itu kawalan harga dapat dilakukan dengan adanya peraturan mempamerkan tanda harga di barang yang dijual.

Tindakan menguatkuaskan lesen perniagaan pasar malam ini dianggap bertepatan dengan *Siyāsah Syar'iyyah* kerana ia mendatangkan kebaikan kepada semua pihak sama ada peniaga itu sendiri atau orang ramai. Dengan adanya sistem perlesenan, peniaga-peniaga yang berdaftar dan mempunyai lesen tidak perlu takut dengan saingan dan gangguan dari peniaga haram terutamanya dari kalangan pendatang tanpa izin kerana pihak penguat kuasa sentiasa membuat rondaan dari masa ke semasa. Bagi peniaga bukan warganegara, lesen tidak akan dikeluarkan sama sekali kepada mereka.³² Peraturan ini bertujuan memberi peluang dan keutamaan kepada warganegara khususnya penduduk tempatan untuk mencari rezeki berbanding pendatang asing. Ini bertepatan dengan konsep *Fiqh Awlawiyyāt*.³³ Manakala kebajikan masyarakat awam pula lebih terjamin kerana mereka akan terhindar dari salah laku peniaga seperti penipuan dan kenaikan harga barang tanpa sebab yang dibenarkan. Begitu juga aspek kebersihan dapat dikawal dengan adanya syarat-syarat meletakkan tong-tong sampah dan larangan memproses ayam dan ikan di tempat bermiaga.

Matlamat kawalan terhadap kewujudan pasar malam haram ialah untuk memastikan tidak berlaku pencemaran terhadap aspek kebersihan dan gangguan khususnya kepada masyarakat persekitaran terutamanya di kawasan-kawasan

³² Lihat syarat-syarat pengeluaran lesen di dalam Panduan Permohonan Lesen MBSA.

³³ Berdasarkan kepada konsep *Fiqh Awlawiyyat*, setiap tindakan atau perhatian harus dilihat kepada keutamaan. Dalam kes ini peluang untuk mencari rezeki haruslah diberikan keutamaan kepada warganegara terlebih dahulu berbanding dengan golongan pendatang atau bukan warganegara.

perumahan yang begitu padat di Shah Alam. Semua tindakan ini sebenarnya adalah untuk memastikan masyarakat awam mendapat kesejahteraan hidup sebagaimana yang disebut di dalam kaedah *fiqh* seperti yang dijelaskan sebelum ini iaitu “صرف الامام منوط بالصحة”³⁴

Manakala bentuk-bentuk tindakan yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah ini pula mempunyai peringkat-peringkat tertentu seperti diberi amaran sama ada secara lisan atau bertulis, kemudian diikuti dengan pengeluaran kompaun sekiranya amaran tidak diendahkan dan akhirnya rampasan dan pendakwaan di mahkamah dilakukan. Kadang-kadang tindakan dilakukan berdasarkan budi bicara pegawai penguat kuasa. Ini adalah kerana pihak penguat kuasa muh memastikan penjaja mendapat keadilan dan tidak berlaku kezaliman terhadap mereka. Tindakan penguat kuasa ini juga selari dengan prosedur *hisbah* di dalam Islam.³⁵

3.4.1.6 Unit Gerai

Unit ini lebih kepada penguatkuasaan peraturan dan syarat-syarat menjalankan perniagaan oleh gerai-gerai sama ada dibina oleh Majlis atau pihak lain. Antara tugas umum unit ini ialah menjalankan tindakan dan pemeriksaan harian terhadap gerai-gerai, mengeluarkan kompaun dan notis amaran terhadap gerai-gerai yang melanggar peraturan, membuat tindakan mencegah dan merobohkan gerai-gerai haram serta melakukan rampasan terhadap gerai-gerai

³⁴Lihat penerangan kaedah di hlm

³⁵ Lihat prosedur *hisbah* hlm. 91.

yang ingkar pada arahan Majlis. Selain dari itu , Unit ini juga bertanggungjawab memastikan pemilik gerai tidak membuat sambungan atau tambahan pada premis mereka tanpa kebenaran, menentukan tiada halangan dilakukan di tempat perniagaan mereka dan akhir sekali tugas unit ini ialah melakukan pemeriksaan terhadap hotel, kondominium serta rumah-rumah kelab di kawasan Majlis.³⁶

Sepanjang tahun 1997 hingga tahun 2000, Unit ini telah melakukan pemeriksaan terhadap gerai-gerai milik Majlis, gerai-gerai statik, gerai-gerai di pondok bas, kantin-kantin di jabatan kerajaan dan swasta terutamanya di kilang-kilang yang terdapat di Shah Alam dan juga kantin dan cafeteria di Universiti Teknologi Mara. Pemeriksaan dilakukan sebanyak dua kali setahun. Selain dari pemeriksaan tahunan ini, pemeriksaan dari masa ke semasa juga dilakukan terutamanya apabila mendapat aduan atau laporan dari pihak-pihak lain tentang kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemilik gerai. Pihak penguat kuat dari Unit ini biasanya melakukan pemeriksaan bagi memastikan peniaga mempunyai lesen yang sah dan tidak tamat tempoh, aspek kebersihan di gerai-gerai dan juga di longkang serta halangan-halangan yang dilakukan.

Antara kesalahan yang biasa dilakukan oleh mereka ialah bermiaga tanpa lesen, menyerahkan lesen perniagaan bagi menjalankan perniagaan kepada pihak lain, pengendali makanan tidak membuat pemeriksaan doktor, pengendali makanan tidak memakai tutup kepala dan apron serta tidak berada dalam keadaan bersih ketika mengendalikan makanan. Kesalahan-kesalahan lain seperti membuat

³⁶ Temu bual dengan Puan Kharsiah, Juru Teknik Jabatan Bangunan MBSA, pada 19.3.2002.

binaan tambahan haram di sekitar gerai mereka dan meletakkan peralatan bermiaga seperti kerusi dan meja di kaki lima gerai. Terdapat juga peniaga yang mendirikan gerai-gerai haram. Tindakan yang diambil oleh anggota penguat kuasa ialah dengan memberi notis amaran, pengeluaran kompaun, sita, rampasan dan merobohkan binaan haram tersebut. Tindakan ini bergantung kepada kes-kes yang dihadapi.

Tindakan pihak MBSA menguatkuasakan peraturan khususnya yang berkaitan dengan kebersihan di gerai-gerai dan terhadap pengendali makanan adalah langkah yang positif bagi memastikan kesejahteraan hidup penduduk Shah Alam. Aspek kebersihan jika diabai akan mengundang lebih banyak keburukan dan kesusahan dalam kehidupan masyarakat khususnya bagi pelanggan-pelanggan gerai makanan. Tahap kebersihan gerai akan mempengaruhi makanan yang dijual. Ini akan memudahkan jangkitan penyakit seperti taun, keracunan makanan sebagainya.

Peranan pihak penguat kuasa adalah untuk memastikan tahap kebersihan berada pada tahap yang paling maksimum dan memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh Jabatan kesihatan MBSA. Bagi peniaga, mereka haruslah memastikan premis perniagaan mereka sentiasa berada dalam keadaan bersih sentiasa seperti melakukan pemeriksaan kesihatan terhadap pekerja mereka dan membersihkan gerai mereka sekerap yang mungkin .Walaupun tindakan ini akan meningkatkan kos operasi tetapi keselamatan nyawa dan kesihatan orang ramai adalah lebih utama dari mengaut keuntungan berlipat kali ganda dengan mengurangkan kos operasi.

Tindakan pihak penguat kuasa mengenakan peraturan yang ketat dalam aspek kebersihan sehingga pihak peniaga terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih besar bagi menjalankan perniagaan mereka adalah bertepatan dengan *Maqāsid Syari'ah* yang meletakkan kewajipan menjaga keselamatan jiwa lebih utama dari harta benda.³⁷

Langkah pihak MBSA mengenakan larangan dan tindakan ke atas pemilik-pemilik gerai membina binaan tambahan dan meletakkan peralatan perniagaan di luar gerai mereka dengan tujuan untuk mendapat pelanggan yang lebih ramai adalah sesuatu langkah yang betul. Sekiranya perbuatan ini tidak dihalang, maka akan berlaku persaingan yang tidak sihat di kalangan peniaga kerana mereka akan berlumba-lumba membuat penambahan terhadap gerai-gerai mereka.³⁸ Maka akan wujud gerai-gerai yang tidak mengikut spesifikasi dan ciri-ciri keselamatan yang telah ditentukan oleh MBSA. Ini akan menggugat keselamatan kepada pelanggan dan pekerja gerai itu sendiri. Penguatkuasaan peraturan oleh pihak MBSA dengan menetapkan setiap penambahan mestilah mendapat kebenaran terlebih dahulu dan sebaliknya tindakan mengkompaun atau merobohkan binaan-binaan haram itu adalah langkah pencegahan dari berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini kepada orang ramai. Tindakan ini juga boleh mencegah dari berlakunya perselisihan faham di kalangan pengusaha-pengguna gerai sebagaimana kaedah *Sadd al-Dharā'i* yang memberi ruang kepada pihak berkuasa mengambil tindakan

³⁷ al-Qaradāwī, *Fi Fiqh Awlawiyāt*, op.cit., hlm.25.

³⁸ Berdasarkan pengakuan pemilik-pemilik gerai di Seksyen 17,18, 24 Shah Alam yang ditemu bual secara rambang pada 17.3.2002.

untuk menghalang apa-apa unsur yang boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman awam.

3.4.1.7 Unit Halangan Dan Kenderaan Buruk

Unit ini bertanggungjawab mengawasi dan mengambil tindakan terhadap halangan kaki lima kedai terutamanya premis restoran. Ia juga boleh mengambil tindakan dan mengeluarkan kompaun terhadap kenderaan yang menghalang lalu lintas dan kenderaan yang diletakkan di bahu jalan serta mengeluarkan notis amaran dan seterusnya menyita kenderaan yang menghalang, kenderaan buruk yang terbiar setelah tempoh notis tamat. Bagi kenderaan buruk yang dibiarkan tersadai di hadapan rumah khususnya di luar pagar, notis amaran akan dikeluarkan agar pemilik memindahkannya ke tempat lain. Sekiranya notis ini tidak diendahkan pihak penguat kuasa akan merampas dan melupuskan setelah tempoh untuk menuntut tamat. Segala kenderaan yang disita atau di rampas akan disimpan di stor MBSA di Seksyen 17.

Sepanjang tahun 1997 hingga tahun 2000, Unit ini telah melakukan banyak operasi antaranya operasi menyita motosikal, kenderaan buruk, kenderaan perdagangan, kenderaan yang melakukan halangan dengan meletakkan kenderaan di bahu-bahu jalan dan kaki lima kedai dan bangunan dan juga kesalahan-kesalahan halangan yang lain seperti meletakkan barang dan peralatan jualan di atas kaki lima kedai, jalan awam, tempat letak kereta dan siar kaki serta mendirikan khemah tanpa kebenaran. Untuk kesalahan-kesalahan ini, biasanya tindakan kompaun akan dikenakan ke atas pemilik kedai. Walau bagaimana pun

bagi sesetengah kes hanya notis amaran dikeluarkan. Ini bergantung kepada seriusnya kes-kes halangan tersebut.

Bagi pihak penguat kuasa, tindakan mereka mengenakan denda atau merampas kenderaan-kenderaan buruk yang dibiarkan tersadai di hadapan rumah atau di tempat-tempat meletak kereta awam adalah bertujuan untuk mengelakkan gangguan dan halangan kepada pengguna-pengguna lain atau keselesaan jiran-jiran. Ini disebabkan oleh ruang meletak kenderaan di kawasan-kawasan perumahan terutamanya di apartment-apartment semakin hari semakin sesak akibat dari pertambahan bilangan kenderaan yang dimiliki oleh penghuni. Tindakan pemilik kenderaan buruk membiarkan kenderaan mereka tersadai merupakan satu perbuatan yang boleh memudaratkan orang lain dan penguatkuasaan undang-undang bagi menghalang gejala ini merupakan satu kewajipan pihak berkuasa berdasarkan kaedah *fiqh* yang telah di terangkan sebelum ini iaitu ³⁹ لَا ضرار وَلَا ضرر⁴⁰ “ ”.

3.3.1.8 Unit Iklan.

Unit ini mempunyai berbagai tugas umum dan khusus. Tugas umum unit ini ialah memastikan setiap iklan mempunyai kebenaran dari pihak Majlis, mengeluarkan kompaun dan notis amaran terhadap pemilik iklan yang tidak mempunyai lesen serta melakukan rampasan terhadap iklan tersebut. Manakala tugas khusus unit ini pula ialah melakukan pemeriksaan terhadap tadika atau

³⁹ Lihat penerangan kaedah di halaman

⁴⁰ Ibn Nujaim, *op.cit.*, hlm. 96.

taska, stesyen-stesyen bas dan teksi, memastikan setiap iklan mempunyai nombor rujukan iklan dan penggunaan Bahasa Malaysia yang betul di dalam iklan-iklan.

Sepanjang tahun 1997 hingga tahun 2000, Unit ini telah mengambil banyak tindakan terhadap bahan-bahan iklan yang terdiri dari kain rentang, sepanduk, billboard, papan tanda, poster, iklan pandu arah/maklumat, bendera. Antara kesalahan yang diambil tindakan ialah memasang iklan tanpa permit, lesen iklan tamat tempoh, tidak menggunakan Bahasa Malaysia, meletakkan iklan di tempat yang dilarang atau mempamerkan iklan di luar kawasan yang diluluskan, penggunaan tanda ‘ HALAL atau DITANGGUNG HALAL ’ tanpa mendapat kebenaran secara bertulis dari pihak berkuasa berkenaan,⁴¹ mempamerkan iklan melebihi ukuran yang telah ditetapkan, struktur yang didirikan bagi menyokong sesuatu iklan berada dalam keadaan tidak stabil atau tidak kukuh, gagal mematuhi arahan Majlis supaya mengecat semula, mengganti, membaiki atau membersihkan sesuatu iklan dalam tempoh masa yang ditetapkan serta gagal menurunkan apa-apa iklan termasuklah struktur yang didirikan khas untuk iklan itu yang dipamerkan tanpa lesen atau telah tamat tempohnya.⁴² Tindakan yang diambil bagi kesalahan-kesalahan ini ialah memberi notis amaran, tindakan kompaun dan rampasan.

Denda yang dikenakan terhadap tuan punya iklan di mana struktur yang didirikan bagi menyokong iklan tersebut tidak kukuh dan stabil adalah untuk memastikan keselamatan orang ramai kerana kebanyakan iklan yang didirikan itu

⁴¹ Pihak Berkuasa yang mengeluarkan logo pengesahan HALAL atau DITANGGUNG HALAL ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

⁴² Panduan Permohonan Lesen MBSA, hlm. 29-30

terletak di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai. Sekiranya tiada tindakan yang diambil, para pemilik iklan akan memandang ringan terhadap ciri-ciri keselamatan. Tindakan ini diambil demi kemaslahatan awam sebagai contoh, iklan-iklan yang terlalu besar dari saiz yang dibenarkan akan mengganggu keselesaan orang ramai dan juga mencacatkan pemandangan sekiranya dibiarkan digantung di merata-rata tempat tanpa ada kawalan dari segi saiz, kawasan-kawasan yang dikhaskan dan juga tempoh masa ataupun mungkin juga boleh menghalang mana-mana tingkap atau ruang keluar asap yang ditetapkan di dinding luar bangunan.⁴³ Peraturan dan tindakan yang berkaitan dengan perkara ini amat sesuai dan bertepatan dengan konsep *Siyāsah Syar'iyyah* atas dasar kemaslahatan yang ingin diwujudkan terhadap orang ramai.

3.4.1.9 Unit Setinggan Dan Binaan Haram

Unit ini bertanggungjawab membuat kawalan, tindakan dan pencegahan ke atas rumah setinggan yang dibina tanpa kebenaran, mengenal pasti penempatan setinggan dan jumlah kawasan yang didirikan rumah atau bangunan dengan membuat bincian. Selain dari itu, tugas unit ini juga termasuklah merobohkan rumah-rumah setinggan dan binaan-binaan haram seperti kuil, tokong, *carwash* dan sebagainya.

Tindakan yang diambil oleh Unit ini ialah membuat bincian bagi penempatan setinggan yang terdiri dari warganegara. Ini dilakukan bagi memperolehi maklumat yang lengkap dari segi bilangan keluarga mereka supaya

⁴³ Lihat Panduan Permohonan Lesen, Syarat-Syarat Lesen Iklan Tetap, MBSA, hlm. 29.

tindakan seterusnya dapat diambil oleh pihak-pihak lain. Manakala bagi setinggan bukan warganegara yang mencerobohi tanah kerajaan seperti tanah milik KTMB, TNB, MAB dan sebagainya tindakan merobohkannya diambil. Selain dari masalah setinggan Unit ini juga bertanggungjawab terhadap binaan-binaan haram yang dilakukan oleh pemilik rumah atau rumah pangsa. Sehingga tahun 2000, pihak penguat kuasa belum lagi melakukan tindakan roboh ke atas mereka yang mengubahsuai kediaman dengan menambah binaan yang tidak mendapat kelulusan dari Jabatan Bangunan MBSA. Tindakan yang diambil hanyalah sekadar mengeluarkan kompaun.

Menghalang kewujudan setinggan dengan merobohkannya adalah satu tindakan yang menepati kehendak *Siyāsah Syar'iyyah* kerana beberapa alasan. Antaranya, rumah-rumah setinggan itu dibina di atas tanah milik orang lain sama ada milik individu ataupun kerajaan tanpa kebenaran. Tindakan ini dianggap sebagai menceroboh hak milik orang lain dan sebarang tindakan bagi menyekatinya merupakan satu kewajipan kepada pihak berkuasa. Kewujudan setinggan-setinggan haram ini juga menyumbang kepada beberapa masalah sosial seperti menjadi sarang penagih dadah dan jenayah khususnya di kalangan pendatang asing. Malah keadaan rumah setinggan itu sendiri juga mengundang bahaya kepada penghuni kerana sistem perparitan dan pembuangan sampah yang tidak terurus akan mendatangkan berbagai-bagai penyakit. Manakala kedudukan rumah yang dibina itu terlalu rapat antara satu sama lain akan mempercepatkan api merebak sekiranya berlaku kebakaran.⁴⁴

⁴⁴ Temu bual dengan Tuan Hakim bin Mahmud pada 13.3.2002.

Langkah pihak berkuasa tempatan meroboh dan memindahkan penduduk setingga ke penempatan sementara yang lebih selesa dan seterusnya menawarkan rumah-rumah kos rendah kepada mereka merupakan satu langkah yang menepati kehendak *Siyāsah Syar'iyyah* kerana tempat tinggal merupakan satu keperluan asas kepada manusia yang termasuk di dalam *Maslahah Dharrūriyyah* kerana ia satu kemestian yang menentukan masyarakat hidup di dalam satu sistem yang lebih teratur seperti yang dituntut oleh *Maqāsid Syari'ah*.⁴⁵

Manakala pembinaan rumah-rumah ibadah bagi mereka yang bukan beragama Islam sentiasa di awasi dan tindakan meroboh terpaksa dilakukan sekiranya tidak mendapat kebenaran dari MBSA. Tindakan ini terpaksa dilakukan kerana perbuatan mereka mendirikan tempat-tempat ibadah tanpa kebenaran seperti kuil dan tokong di kawasan-kawasan yang boleh menimbulkan rasa kurang senang di kalangan masyarakat Islam boleh menggugat kestabilan dan keamanan masyarakat secara amnya. Ketegangan kaum akan berlaku apabila perkara-perkara sensitif seperti ini tidak diatasi dari awal lagi. Oleh itu, sekiranya ada permohonan untuk mendirikan rumah-rumah ibadah ini akan diteliti dengan rapi oleh Bahagian Bangunan, MBSA. Berbagai aspek dan pertimbangan akan diambil kira seperti sejauh mana keperluan, kesesuaian tempat yang dipohon, sensitiviti masyarakat Islam dan sebagainya.⁴⁶

⁴⁵ Muhammad Tahir Ibn 'Asyūr (1998), *Maqāsid al-Syar'i'ah al-Islamiyyah*, ed. Muhammad Tahir al-Misawi, t.tpt : al-Basyir Li al-Intāj al-'Ilm, hlm. 210.

⁴⁶ Temu bual Dengan Encik Zamzaini b. Abd Wahid, Juru Teknik Jabatan Perancang Bandar MBSA, pada 18.3.2002.

Di dalam sistem Negara Islam telah terdapat syarat-syarat bagi pembinaan rumah-rumah ibadah bagi Non Muslim dan langkah MBSA menguatkuasakan peraturan di dalam pembinaan rumah-rumah ibadah dan tindakan merobohkan rumah-rumah ibadah haram ini merupakan satu langkah pencegahan kepada kejadian-kejadian yang lebih merbahaya serta mengugat keamanan rakyat.⁴⁷ Sekiranya tiada tindakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa, kemungkinan masyarakat Islam akan mengambil tindakan mereka sendiri sekiranya timbul rasa tidak puas hati dan seterusnya tindakan balas pula akan diambil oleh masyarakat bukan Islam yang terbabit. Tindakan pihak berkuasa ini tergolong di dalam kaedah *Sadd al-Dharā'i*.

3.4.1.10 Unit Kediaman Dijadikan Kedai.

Unit ini bertindak mengeluarkan notis dan kompaun terhadap pemilik rumah kediaman yang dijadikan kedai tanpa kelulusan atau menyalahgunakan kediaman mereka dengan aktiviti-aktiviti lain yang tidak sihat atau yang melanggar undang-undang. Sepanjang tahun 1997 hingga tahun 2000 Unit ini telah mengeluarkan amaran dan kompaun kepada pemilik rumah kediaman yang dijadikan kedai.

Tindakan ini dilakukan bagi memastikan tiada masalah yang timbul kepada penghuni rumah lain di sekitarnya kerana sebelum sesebuah rumah itu dijadikan kedai, kelulusan perlu dipohon dari MBSA dan apabila syarat-syarat

⁴⁷ Muhammad Abd Rauf (1994), *Ummah Negara Islam*, terj. oleh Padilah Haji Ali, K. Lumpur : DBP, hlm. 48.

permohonan telah dipenuhi barulah kelulusan akan diberikan.⁴⁸ Adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa khususnya melalui badan penguat kuasa untuk menghalang pemilik-pemilik rumah kediaman menjadikan rumah mereka sebagai kedai tanpa kebenaran atau melakukan lain-lain aktiviti yang tidak sihat kerana boleh mengganggu ketenteraman jiran-jiran yang lain. Mewujudkan keamanan dan keselesaan kepada masyarakat merupakan salah satu tugas badan penguat kuasa.⁴⁹

3.4.1.11 Unit Projek Pembangunan Dan Rumah Kongsi

Unit ini bertugas membuat kawalan dan tindakan ke atas rumah-rumah kongsi yang dibina tanpa kebenaran serta mencegah pembinaan rumah-rumah tersebut dengan merobohkannya dan juga membuat pemeriksaan ke atas semua projek-projek yang baru yang ada di kawasan Majlis. Operasi yang dilakukan oleh Unit ini biasanya melibatkan agensi-agensi lain seperti PDRM, Jabatan Imigresen, Jabatan Kesihatan dan lain-lain.⁵⁰

Antara kesalahan yang dilakukan ialah membuang sampah-sarap, kayu-kayan dan bahan binaan di tempat awam ataupun melakukan pembakaran sampah dan bahan binaan di tempat awam ataupun secara terbuka, mendirikan rumah

⁴⁸ Lihat Garis Panduan Permohonan Kelulusan Dan Piawaian Perancangan, Jabatan Perancangan Bandar MBSA, hlm. 18.

⁴⁹ Lihat perbincangan di bawah tajuk Kepentingan Badan Penguat kuasa Di Dalam Sistem Pentadbiran Islam.

⁵⁰ Temu bual dengan Encik Khairudin bin Saidan, Juru teknik Jabatan Bangunan, MBSA pada 18.3.2002.

kongsi, pejabat di tapak pembinaan tanpa kebenaran, membancuh simen di tempat awam, menjatuhkan sampah atau tanah semasa kenderaan bergerak, tidak mengambil langkah-langkah keselamatan yang mencukupi. Manakala tindakan yang dikenakan ialah mengeluarkan kompaun dan tindakan meroboh.

Tindakan yang diambil ini dilihat sebagai mengutamakan kepentingan awam berbanding dengan kepentingan individu kerana sikap pemaju atau kontraktor yang melakukan pembakaran terbuka atau membuang bahan binaan yang tidak digunakan semata-mata untuk menjimatkan perbelanjaan mereka sedangkan masyarakat awamlah yang terpaksa menanggung kesulitan akibat dari tindakan mereka. Tindakan penguat kuasa ini juga dilihat sebagai menjaga *Maslahah 'Ammah* dan selaras dengan tuntutan *Siyāsah Syar'iyyah*.

3.4.1.12 Unit Hiburan Dan Aduan Awam

Unit ini yang diwujudkan pada 25.7.1997 bertanggungjawab terhadap sebarang aktiviti hiburan terutamanya perniagaan-perniagaan hiburan di dalam premis seperti pusat video game, pusat snooker, karaoke dan siber cafe. Unit ini bertindak dengan melakukan intipan di pusat-pusat tersebut di samping memeriksa dan mencari maklumat dari masa ke semasa serta mengambil tindakan sekiranya berlaku pelanggaran undang-undang dengan menyita atau merampas mesin slot dan sebagainya.

Pada tahun 1997 hingga tahun 2000, berbagai operasi telah dilakukan oleh unit ini di dalam usaha membanteras aktiviti hiburan yang menyalahi peraturan

dan undang-undang antaranya Operasi Video Games. Bermula pada Julai tahun 1997 sebanyak 12 operasi telah dilakukan, sepanjang tahun 1998 hingga tahun 2000 hampir 250 operasi telah dilakukan. Pertambahan ini adalah kerana pusat-pusat video games telah bertambah dengan pesatnya sepanjang tiga tahun terakhir ini. Sasaran dan penumpuan Unit ini adalah terhadap pusat-pusat hiburan dan snooker yang banyak terdapat di kawasan baru pentadbiran MBSA iaitu di Zon Utara yang meliputi tiga kawasan iaitu Kampung Baru Subang dan Taman Subang Perdana, Kampung Baru Sungai Buloh dan Bandar Baru Sungai Buloh. Manakala di Zon Selatan pula meliputi kawasan Bukit Kemuning, Bukit Naga dan kawasan Perusahaan Ringan Batu 4, Ladang Haron. Kawasan-kawasan baru ini terdapat banyak pusat-pusat hiburan dan snooker yang beroperasi tanpa lesen. Pusat-pusat inilah yang menjadi tempat perjudian yang menggunakan mesin slot untuk mempertaruahkan nasib. Gejala inilah yang menjadi masalah sosial di kalangan remaja Melayu Cina dan India terutamanya mereka yang masih bersekolah dan menganggur.

Dalam menangani masalah ini operasi-operasi bersepada dengan unit dan agensi lain giat dilakukan sepanjang tahun 1997 hingga tahun 2000. Tindakan yang diambil ialah mengeluarkan notis sama ada lisan atau bertulis, kompaun, rampasan, meroboh atau menyita. Tindakan badan penguat kuasa ini merupakan satu langkah yang berkesan kerana menutup saluran yang boleh mendatangkan kerosakan kepada masyarakat kerana aktiviti-aktiviti di pusat hiburan dan perjudian haram ini merupakan aktiviti yang tidak sihat sama ada dari sudut undang-undang, moral dan agama. Walau bagaimanapun, tindakan yang lebih tepat menurut *Siyāsah Syar'iyyah* atas kaedah *Sadd al-Dharā'i* ialah dengan tidak

mengeluarkan langsung lesen-lesen bagi pusat-pusat hiburan dan perniagaan yang boleh menyumbang kepada keruntuhan moral masyarakat kerana dengan wujudnya tempat-tempat tersebut walaupun atas alasan hiburan dan perniagaan, ia juga mendatangkan kerosakan kepada masyarakat. Keadaan ini jelas disebut dalam kaedah *fiqh* اوی من جلب المصالح“ درء المفاسد .⁵¹

Bagi aduan awam pula, Unit ini berperanan menyiasat dan menyelesaikan aduan-aduan awam yang berhubung-kait dengan peraturan dan perundangan seperti halangan, kacau ganggu, masalah sosial dan ugama, kemasyarakatan dan umum. Antara aduan awam yang diambil tindakan oleh unit ini ialah rumah kediaman dijadikan tempat kegiatan *Persatuan Buddist Tzi Chi Ment Society*, rumah kediaman dijadikan tempat mengadakan kelas aerobik dan pemilik rumah kediaman meletakkan jentera berat dan besi-besi buruk di hadapan rumahnya. Ini antara aduan-aduan awam yang dikategorikan sebagai kacau ganggu kepada jiran bersebelahan.

Penubuhan Unit Aduan Awam oleh Bahagian Penguat kuasa dengan tujuan memberi peluang kepada orang ramai membuat aduan berhubung dengan perlaksanaan tugas penguatuasaan dan perkara-perkara di bawah bidang kuasa MBSA, merupakan satu langkah *Siyāsah Syar'iyyah* sebagaimana tindakan Saidinā 'Umar mengadakan satu perhimpunan khas seluruh pemimpin bagi memberi peluang kepada rakyat membuat sebarang aduan tentang kepimpinan mereka.⁵²

⁵¹ Ibn Nujaim, *op.cit.*, hlm. 99.

⁵² Al-Tobāri Jāl (t.t.), *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*, *op.cit.*, hlm. 256.

3.4.1.13 Unit Kebersihan Dan Pencemaran

Unit ini bertanggungjawab mengawasi dan mengambil tindakan kepada orang perseorangan atau mana-mana syarikat yang melakukan kesalahan yang berkaitan dengan kebersihan seperti membuang atau membakar sampah di tempat awam dan juga terhadap kenderaan yang menjatuhkan kotoran di tempat dan jalan awam. Sepanjang 4 tahun ini, berbagai operasi dan pemeriksaan telah dilakukan oleh Unit ini dengan kerjasama dari unit-unit lain di Bahagian Penguatkuasaan. Antaranya pemeriksaan di kilang-kilang, restoran, kantin, Stesen minyak, gerai, taska dan kawasan pembinaan. Sekiranya kawasan yang diperiksa itu mengabaikan aspek kebersihan seperti longkang, kawasan dan tandas yang kotor, pengendali makanan yang tidak berada dalam keadaan yang bersih atau wujudnya aktiviti-aktiviti yang membawa kepada pencemaran seperti pelepasan asap atau cecair kimia ke dalam longkang atau sistem perparitan, maka tindakan akan dikenakan. Biasanya tindakan kompaun akan dikeluarkan selain dari notis amaran atau nasihat. Ini bergantung kepada seriusnya kes-kes tersebut.

Sebagai salah satu dari organ pihak pemerintah, tindakan Bahagian Penguat kuasa MBSA menguatkuasakan peraturan yang berkaitan dengan kebersihan dan pencemaran alam sekitar, merupakan satu langkah yang boleh menjamin kesejahteraan kepada masyarakat. Tindakan ini juga boleh dianggap sebagai membuka jalan kepada kebaikan bersama dan sudah semestilah ianya merupakan satu tindakan yang menepati dengan kehendak *Siyāsah Syar'iyyah*.⁵³

⁵³ Muhammad Hasyim al-Burhani (1985), *op.cit.*, hlm. 52-56.

Sepatutnya aspek kebersihan ini haruslah dititikberatkan oleh orang ramai sendiri kerana mereka lah yang akan menanggung kesan buruk akibat dari kelalaian itu tetapi sebagai pihak pemerintah, penguatkuasaan undang-undang akan dapat membantu masyarakat supaya lebih sedar dan bertanggungjawab di atas setiap tindakan yang mereka lakukan.

3.4.2 Pemeriksaan Tahunan

Selain dari aktiviti-aktiviti penguatkuasaan oleh unit-unit yang ada di Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Undang-Undang MBSA, terdapat satu lagi aktiviti yang bermula pada tahun 1998 membabitkan semua unit yang berkaitan. Aktiviti ini dinamakan sebagai Pemeriksaan Tahunan yang mana ianya dilakukan dua kali setahun. Pemeriksaan tahunan ini terdiri dari :

1. Pemeriksaan Kilang
2. Pemeriksaan Rumah Kedai
3. Pemeriksaan Stesen Minyak
4. Pemeriksaan Taska / Tadika
5. Pemeriksaan Gerai Bus Stop.
6. Pemeriksaan Tempat Perniagaan UiTM.

Tujuan Pemeriksaan ini dilakukan adalah untuk mengumpul maklumat-maklumat berikut :⁵⁴

⁵⁴ Lihat Laporan Jabatan Undang-Undang Bagi Tahun 1997-2000.

- i. Jumlah keseluruhan premis
- ii. Jumlah premis berlesen, tidak berlesen dan lesen dalam proses
- iii. Jumlah premis yang telah ditutup
- iv. Jumlah premis yang dikecualikan lesen
- v. Jumlah pengeluaran kompaun dan notis.

Antara kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh kilang, rumah kedai atau pusat membeli belah, taska, gerai di pondok bas dan tempat perniagaan di UiTM dan dikenakan kompaun sepanjang tahun 1998 hingga tahun 2000 ialah tiada lesen perniagaan, lesen tamat tempoh, tiada lesen iklan, kawasan kotor, longkang kotor, tandas kotor, kawasan bersesak, tong sampah tidak mencukupi, pembuangan sampah, kebersihan pengendalian makanan, tiada sijil doktor, ingkar arahan Majlis, halangan dan bangunan tanpa kebenaran.

Bagi stesen-stesen minyak tindakan yang dikenakan oleh penguat kuasa ialah kompaun dan notis amaran. Kesalahan tersebut seperti tiada lesen perniagaan, tiada lesen iklan, pandu arah / petunjuk tanpa permit, tiada lesen bahan bahaya, tiada lesen servis kereta, tiada lesen kedai runcit, tiada lesen mencuci kereta dan menjual aksesori.

Dari sudut *Siyāsah Syar'iyyah*, aktiviti-aktiviti pemeriksaan tahunan yang dilakukan oleh Bahagian Penguat kuasa menyerupai dengan tindakan *Hisbah* di dalam Islam. Berdasarkan catatan sejarah Islam, para *Muhtasib* melakukan rondaan dan pemeriksaan di pasar-pasar bagi memastikan segala aktiviti sosial, ekonomi dan sebagainya dapat berjalan dengan lancar tanpa wujudnya

pelanggaran terhadap mana-mana undang-undang negara dan hukum syarak. Tindakan Bahagian Penguat kuasa MBSA melakukan pemeriksaan tahunan di samping rondaan harian di premis-premis perniagaan, kilang dan sebagainya adalah bertepatan dengan *Siyāsah Syar'iyyah* kerana Bahagian Penguat kuasa MBSA dilihat bertindak sebagai sebuah badan *Hisbah* yang mengawal aktiviti-aktiviti masyarakat.

3.4.3 Masalah-Masalah yang dihadapi oleh Pihak Penguat kuasa dan Penyelesaiannya.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh penulis terhadap aktiviti-aktiviti Bahagian Penguat kuasa MBSA sepanjang empat tahun (1997 hingga 2000), terdapat berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh pihak berkenaan. Masalah yang dikesan ini kadang-kadang berpunca dari kelemahan pihak penguat kuasa dan juga berpunca dari masalah luaran seperti campur tangan dari pihak-pihak tertentu, tiada kerjasama dari masyarakat dan berbagai-bagai lagi.

Berpandukan laporan yang dibuat oleh pihak penguat kuasa,⁵⁵ terdapat masalah-masalah tertentu yang menghalang keberkesanan tugas-tugas penguatkuasaan. Di dalam menguatkuasakan lesen terhadap penjaja pasar malam, membanteras penjualan VCD cetak rompak dan lucah secara terbuka, membanteras penjaja yang terdiri dari pendatang asing dan penjaja haram di pasar malam, biasanya tindakan yang dikenakan terhadap mereka seperti kompaun dan

⁵⁵ Laporan Pencapaian Prestasi Kerja, Jabatan Perlesenan Dan Penguatkuasaan Bahagian Penguat kuasa MBSA Tahu

rampasan tidak memberi kesan. Walaupun tindakan rampasan terhadap penjual VCD kerap dilakukan, tetapi penjaja berkaitan tidak takut dan masih lagi menjalankan perniagaan. Ini adalah kerana perniagaan ini hanya memerlukan modal yang kecil tetapi pulangan hasil yang berlipat kali ganda.

Di samping itu, operasi-operasi yang dijalankan kadang-kadang mendapat tentangan dari pengusaha itu sendiri dengan melakukan tindakan-tindakan yang agresif sehingga sanggup menyerang pegawai penguat kuasa yang bertugas. Bagi mengatasi masalah-masalah ini, terdapat beberapa cadangan yang telah dikemuka dan dipraktikkan antara lain ialah memaksimumkan kadar kompaun agar kadar tersebut membebankan dan memberi pengajaran yang berkesan terhadap pesalah. Di samping itu satu unit khas perlu ditubuhkan dengan kerjasama pihak polis bagi memantau dan mengambil tindakan rampasan yang berterusan agar aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang terus lumpuh.

Masalah di dalam membanteras penjaja pendatang asing dan penjaja haram pula adalah disebabkan perniagaan yang mereka jalankan adalah di sebelah malam antara jam 10.00 hingga jam 2.00 pagi. Dan terdapat juga kawasan-kawasan pasar malam yang dikendalikan oleh J.K.K.K. seperti pasar malam di Padang Jawa, Seksyen 17 dan menyukarkan bagi pihak penguat kuasa untuk masuk. Bagi mengatasi masalah ini, waktu rondaan perlu ditambah dan diteruskan sehingga tengah malam dan pasar-pasar malam yang berada di bawah kendalian pihak J.K.K.K perlu dilesenkan dan diambil alih oleh pihak Majlis supaya semua peraturan dan dasar dapat diselaraskan.

Tugas membanteras penyewaan gerai Majlis kepada pihak ketiga oleh penyewa-penyewa asal yang ingin mengaut keuntungan cepat juga menghadapi masalah iaitu kesukaran mengesan pemilik asal dan kadang-kadang berlaku pakatan dan kerjasama antara penyewa asal dengan pihak ketiga untuk mengaburi dan menyembunyikan kesalahan mereka. Aduan orang awam amat penting bagi menyelesaikan masalah ini dengan memberi maklumat yang tepat dan lengkap kepada pihak penguat kuasa.

Unit Halangan juga menghadapi masalah di dalam menguatkuasakan peraturan bagi halangan di kaki lima. Sudah menjadi satu “*trend*” di Shah Alam, para pengusaha restoran dan gerai-gerai makan meletakkan kerusi meja bukan sahaja di kaki lima malah di tempat meletak kenderaan. Ini diikuti dengan fenomena di mana pengusaha kedai makan atau restoran memilih “*corner lot*” untuk menjalankan perniagaan mereka. Masalah ini ditambah lagi dengan tindakan pemilik premis menyewakan ruang-ruang dan “*stall-stall*” kepada pihak lain dan menambah bilangan kerusi dan meja sehingga ke tempat meletak kenderaan bagi menyaangi pihak lain. Bagi mengatasi masalah ini, pihak penguat kuasa mencadangkan kepada Majlis supaya mengkaji semula dasar dan peraturan supaya lot-lot tepi rumah kedai tidak lagi diberi kebenaran untuk menjalankan perniagaan restoran atau kedai makan.

Masalah yang dihadapi oleh Unit Iklan pula di dalam menguatkuasakan peraturan berkaitan dengan iklan dan seumpamanya ialah kewujudan iklan-iklan dan papan tanda kecil yang berukuran satu kaki kali satu kaki (1' x 1') yang tumbuh bagai cendawan di kawasan-kawasan perumahan, rumah pangsa, pondok

telefon, perhentian bas, tiang-tiang lampu dan batang-batang pokok dan sesetengah iklan itu dicat di dinding. Kebiasaannya pemasangan iklan ini dilakukan di sebelah malam dan ia menyukarkan pihak penguat kuasa mengambil tindakan.

Bagi mengatasi masalah ini pihak penguat kuasa meminta orang ramai membuat aduan terus ke Unit Aduan Awam dengan menyatakan butir-butir yang lengkap supaya pihak penguat kuasa dapat mengambil tindakan. Selain dari tindakan di bawah Undang-Undang Kecil Iklan (MPSA) 1991, kesalahan ini juga boleh dikenakan tindakan di bawah Undang-Undang Kecil Vandalisme (MPSA) 1994 kerana merosakkan harta benda awam.

Selain dari masalah ini, pemasangan kain rentang yang mempunyai permit kebenaran dipasang dengan tidak teratur sebagai contoh ialah di kawasan Tasik Shah Alam. Kain-kain rentang diikat pada tiang-tiang lampu, papan tanda, pokok-pokok, pagar dan lain-lain tempat yang difikirkan boleh dilihat oleh orang ramai tanpa menghiraukan aspek keselamatan, halangan dan keselesaan orang ramai. Masalah ini dapat diselesaikan apabila Majlis menyelaraskan tempat pemasangan kain rentang dengan menyediakan tempat yang khusus dan sesuai bagi sesebuah iklan di samping menetapkan saiz yang seragam bagi kain rentang agar tiada yang terlalu besar.

Terdapat juga kain-kain rentang atau sepanduk yang diikat di tiang-tiang lampu yang telah tamat tempoh, masih dibiarkan oleh pemiliknya tanpa dibawa turun. Dan keadaan ini akhirnya memaksa pihak penguat kuasa terpaksa

mengarahkan anggotanya supaya menurunkan iklan-iklan tersebut yang kadangkala membabitkan jumlah yang terlalu banyak. Bagi menyelesaikan masalah ini, pihak penguat kuasa telah mencadangkan kepada Majlis agar wang cagaran dinaikkan dan sebelum wang cagaran itu diserahkan kembali, perlu mendapat laporan dari Bahagian Penguin kuasa bagi memastikan semua paparan telah diturunkan.

Penglibatan tidak secara langsung oleh orang politik di dalam aktiviti perniagaan Video Games menyebabkan tindakan penguatkuasaan oleh Unit Hiburan tidak berjaya mencapai matlamat “Video Games Sifar” pada tahun 2001 kerana para pengusaha ini mendapat perlindungan istimewa. Bagi mengatasi masalah ini, Bahagian Penguin kuasa berharap agar pihak-pihak berkuasa berkenaan mengambil tindakan tegas jika terdapat bukti yang sah mengatakan bahawa adanya penglibatan secara tidak sihat oleh orang-orang politik.

Bagi Unit Setinggan pula, masalah utama yang dihadapi ialah sikap tuan-tuan rumah dan pemilik-pemilik tanah persendirian yang membenarkan tanah dan rumah mereka diduduki sama ada oleh penduduk tempatan atau pendatang asing. Masalah ini hanya dapat diselesaikan sekiranya pihak berkuasa yang berkenaan mengambil tindakan yang tegas terhadap tuan rumah dan tanah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Negara.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas terbukti di sebalik tindakan-tindakan yang dilakukan bagi menguatkuasakan peraturan dan undang-undang, berbagai masalah telah wujud . Bagi pihak berkuasa khususnya Bahagian

Penguat kuasa MBSA dengan dibantu oleh berbagai-bagai unit di dalamnya, telah berusaha sedaya upaya untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Berdasarkan kepada takrif *Siyāsah Syar'iyyah* yang diberi oleh para ulama,⁵⁶ usaha-usaha tersebut menepati ruang lingkup definisi *Siyāsah Syar'iyyah* itu sendiri kerana tindakan-tindakan yang diambil merupakan satu kelonggaran yang dibenarkan oleh syarak demi mendatangkan kebaikan dengan syarat ianya tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip agama walaupun tiada nas khusus yang menganjurkan agar tindakan-tindakan itu dilakukan.⁵⁷

3.5 KESIMPULAN

Perlaksanaan tugas penguatkuasaan oleh MBSA membabitkan tindakan yang menjurus kepada keperluan pemakaian kaedah-kaedah *Siyāsah Syar'iyyah*. Ini dapat dilihat dari bentuk-bentuk dan tindakan yang dilakukan di dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang terpakai di bawah bidang kuasa Majlis. Tindakan akan dilakukan apabila terdapat aduan dan laporan sama ada dari orang awam ataupun pihak media di samping hasil dari siasatan atau pemantauan oleh pegawai-pegawai penguat kuasa itu sendiri.

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat terhadap tindakan-tindakan Bahagian Penguat kuasa MBSA, jelas menunjukkan pemakaian kaedah-kaedah

⁵⁶ Lihat perbincangan terdahulu mengenai takrifan *Siyāsah Syar'iyyah* Sebagai Kaedah Pentadbiran Islam di hlm. 6 hingga 12.

⁵⁷ Lihat definisi *Siyāsah* oleh Ahmad Fathi Bahnasi dan Abd. Rahman Taj di hlm. 7 dan 8.

dan prinsip *Siyasah Syar'iyyah* dalam urusan pentadbiran dan penguatkuasaan berdasarkan kepada bentuk dan jenis tindakan yang telah dilakukan. Tindakan yang diambil pada kebiasaannya adalah hasil dari operasi-operasi yang dilakukan sama ada melalui operasi bersepodu yang membabitkan pihak luar ataupun operasi dalaman oleh Bahagian Penguat kuasa itu sendiri. Ini semua adalah bertujuan untuk memastikan tiada aktiviti yang menyalahi peraturan dan undang-undang yang boleh menggugat kesejahteraan penduduk Shah Alam dan kawasan-kawasan di bawah pentadbiran MBSA. Tugas ini juga dianggap sebahagian dari tugas institusi *Hisbah* di dalam Islam.

Walaupun tindakan-tindakan tegas diambil, ianya masih lagi tertakluk kepada prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh peraturan dan undang-undang bagi memastikan tindakan tersebut memberi kesan yang sewajarnya agar kesalahan-kesalahan yang dilakukan tidak akan berulang dan juga tiada pihak yang teraniaya khususnya mereka yang dikenakan tindakan. Ini dapat dilihat pada bentuk-bentuk tindakan yang diambil oleh pihak penguat kuasa. Tindakan yang dikenakan pada amnya adalah berdasarkan bentuk dan kekerapan kesalahan, kesan kesalahan yang dilakukan terhadap kesejahteraan masyarakat awam, peringkat-peringkat tindakan dan penggunaan budi bicara oleh pegawai-pegawai penguat kuasa.

Objektif di sebalik tindakan yang diambil oleh Bahagian Penguat kuasa MBSA secara umumnya adalah bertujuan untuk memastikan wujudnya kemaslahatan kepada semua pihak. Bagi mencapai matlamat ini, prinsip-prinsip *Fiqh Awalwiyyat* dan juga kaedah-kaedah *fiqh* telah diguna pakai. Walau pun

kadang-kadang dilihat tindakan yang dilakukan seolah-olah membelakang dan mengabaikan kemaslahatan tapi pada hakikatnya wujud kemaslahatan lain yang lebih utama. Sebagai contoh, dalam sesetengah kes pihak penguat kuasa terpaksa mengambil kira aspek pencegahan seperti tindakan meroboh dan merampas seperti di dalam operasi meroboh rumah-rumah setinggan dan penempatan haram pendatang asing serta merampas dan memusnahkan mesin-mesin perjudian.

Tindakan meroboh, merampas dan memusnahkan ini jika dilihat secara zahirnya seolah-olah satu bentuk tindakan yang zalim tetapi dari aspek pencegahan ianya satu tindakan pencegahan yang berkesan kerana kewujudan rumah-rumah setinggan haram khususnya yang didirikan oleh pendatang tanpa izin ini kalau tidak diambil tindakan yang tegas, akan mendorong ramai lagi pendatang mewujudkan penempatan-penempatan haram. Kewujudan penempatan-penempatan haram oleh masyarakat pendatang juga boleh mengundang berbagai masalah sampingan yang lain. Maka tindakan meroboh ini akan mengurangkan bilangan rumah-rumah setinggan dan menakutkan mereka yang bercadang untuk mendirikannya. Begitu juga keadaannya dengan mesin-mesin judi yang membawa kepada berbagai masalah sampingan.

Pengaplikasian konsep *Hisbah* juga jelas dilihat di sebalik tindakan Bahagian Penguat kuasa MBSA melakukan rondaan di sekitar Tasik Shah Alam dan beberapa kawasan lain yang menjadi tumpuan muda-mudi untuk melakukan maksiat serta rondaan-rondaan di pasar-pasar malam bagi memastikan setiap peraturan dan undang-undang ditaati. Bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dilakukan dengan lebih berkesan, perwujudan Unit-Unit tertentu yang diberi

tanggungjawab khususnya dalam aspek-aspek tertentu, memudahkan lagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan di samping tumpuan dapat diberikan oleh Unit-Unit tersebut terhadap bidang tugas mereka.

Ini semua dilakukan oleh Bahagian Penguat kuasa Jabatan Undang-Undang MBSA di dalam memastikan kesejahteraan penduduk Shah Alam dapat dikekalkan dan semua pihak dapat menjalankan aktiviti kehidupan seharian mereka tanpa ada gangguan.